

**[ARGUMENT METHODOLOGY AGAINST FATWA CONVICTION OF
ILLEGITIMATE CHILDREN'S LINEAGE IN MALAYSIA: ANALYSIS OF THE NAME
OF THE BIOLOGICAL FATHER]**

**METODOLOGI PENDALILAN TERHADAP FATWA PENSABITAN NASAB ANAK TAK
SAH TARAF DI MALAYSIA: ANALISIS PENAMAAN KEPADA BAPA BIOLOGI**

MUHAMMAD MUSTAQIM BIN ROSLAN

Fakulti Pengajian Islam & Sains Sosial, Universiti Sultan Azlan Shah (USAS)

Email: muhd.mustaqim@usas.edu.my

Received: 18th October 2024

Accepted: 1st November 2024

Published: 1st December 2024

ABSTRACT

The issue of the conviction of the lineage of illegitimate children, abbreviated as ATST (Anak Tak Sah Taraf), is frequently debated in Malaysia. There are two fatwa decisions on the conviction of this ATST lineage: the majority view and the minority view. The first point of view is the National Fatwa, which is a popular opinion, and is supported by several Malaysian states, and which refers to ATST as Abdullah. In terms of the second point of view, the Perlis State Fatwa believes that ATST should be assigned to the biological father. In this regard, the purpose of this article is to look back at the fatwa argument presented by the state of Perlis from the standpoint of its evidence methodology against the ATST lineage conviction fatwa to the biological father. It is critical to identify the evidence methodology used in the fatwa's issuance and the source of disagreement with the National Fatwa. The study's philosophy is interpretive, as evidenced by the use of a qualitative approach in adapting the study design. Meanwhile, the document content analysis method is used in this study for data collection and analysis. The results of the findings show that the basis of the evidence methodology for the fatwa of the conviction of ATST's lineage to the biological father is based on four basic sources from al-Sunnah, namely, HR Bukhari (no: 2745) about the story of Sa'ad bin Abi Waqqas, HR Bukhari (no: 3252) from Amru bin Syu'aib, HR Abi Daud (no: 2272) from Zayd ibn Arqam and HR Bukhari (no: 6508) about the story of the accusation of adultery against Juraij. All of these arguments are supported and explained by hadith scholars regarding the validity of the ATST lineage conviction to the biological father. Nonetheless, this study suggests that the jurists' conclusions be carried out in re-evaluating all of the evidences that form the basis of the ATST lineage conviction to the biological father.

Keywords: Illegitimate child, Biological father, Fatwa, Methodology, Evidence

ABSTRAK

Isu pensabitan nasab anak tak sah taraf atau akronimnya dikenali sebagai ATST sering diperdebatkan di Malaysia. Terdapat dua keputusan fatwa tentang pensabitan nasab ATST ini yang terdiri daripada pandangan majoriti dan pandangan minoriti. Pandangan pertama adalah Fatwa Kebangsaan yang merupakan pendapat jumhur dan disokong oleh beberapa negeri di Malaysia iaitu menasabkan ATST dengan nama Abdullah. Adapun pandangan kedua iaitu Fatwa Negeri Perlis berpendapat bahawa harus menasabkan ATST kepada bapa biologinya. Sehubungan dengan itu, artikel ini dihasilkan bertujuan untuk melihat kembali penghujahan fatwa yang dibawa oleh negeri Perlis dari sudut metodologi pendalilannya terhadap fatwa pensabitan nasab ATST kepada bapa biologi. Ia penting untuk mengenal

pasti metodologi pendalilan yang digunakan dalam pengeluaran fatwa tersebut dan mencari punca perselisihan dengan Fatwa Kebangsaan. Falsafah di sebalik kajian ini adalah interpretif dengan menggunakan pendekatan kualitatif dalam mengadaptasi reka bentuk kajian. Manakala kaedah pengumpulan dan analisis data dalam kajian ini adalah dengan menggunakan kaedah analisis kandungan dokumen. Hasil dapatan menunjukkan asas metodologi pendalilan terhadap fatwa pensabitan nasab ATST kepada bapa biologinya adalah berpaksikan kepada empat sumber asas daripada al-Sunnah iaitu, HR Bukhari (no: 2745) tentang kisah Sa'ad bin Abi Waqqas, HR Bukhari (no: 3252) daripada Amru bin Syu'aib, HR Abi Daud (no: 2272) daripada Zayd ibnu Arqam dan HR Bukhari (no: 6508) tentang kisah pertuduhan zina ke atas Juraij. Kesemua dalil ini disokong dan dihuraikan oleh ulama-ulama hadis tentang kesahan dalam pensabitan nasab ATST kepada bapa biologinya. Namun begitu, kajian ini mencadangkan agar pentarjihan fuqaha dilakukan dalam penilaian semula terhadap kesemua dalil yang menjadi asas kepada fatwa pensabitan nasab ATST kepada bapa biologi.

Kata kunci: Anak tak sah taraf, Bapa biologi, Fatwa, Metodologi, Pendalilan

1.0 PENDAHULUAN

Anak Tak Sah Taraf atau akronimnya dikenali sebagai (ATST) dapat diistilahkan di dalam bahasa Arab sebagai “*walad zina*” yang membawa maksud “anak zina” dari sudut bahasanya (Hans Wehr 1980). Menurut keputusan Fatwa Kebangsaan (2003), ATST tidak boleh dinasabkan kepada lelaki yang menyebabkan kelahirannya atau kepada sesiapa yang mengaku menjadi bapa kepada anak tersebut. Oleh yang demikian, anak itu hendaklah dibin atau dibintikan Abdullah atau lain nama *Asma' al-Husna* berpangkalkan Abdul. Mengulas tentang fatwa yang telah diputuskan ini, dua orang mufti iaitu *Sohibus Samahat* (SS) Zulkifli al-Bakri dan SS Harussani Zakaria berpandangan bahawa, fatwa melarang ATST dinasabkan kepada bapa biologinya adalah untuk memelihara maslahat umum (iaitu mudarat zina yang merosakkan masyarakat dan sistem keluarga secara keseluruhan) lebih utama dijaga berbanding maslahat khusus (iaitu aib yang mungkin dialami oleh anak zina) (Ahmad Husni, et. al 2015).

Namun begitu, selain daripada penamaan nasab ATST kepada Abdullah, terdapat juga sebuah negeri yang berkecuali dalam mengeluarkan fatwa terhadap penamaan nasab ATST ini di Malaysia. Negeri Perlis merupakan sebuah negeri yang menamakan nasab ATST dengan bapa biologinya dan fatwa mereka juga turut diwartakan sebagai enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri (Majlis Agama Islam Perlis 2006). SS Mufti Perlis, Asri Zainul Abidin (2017) berpandangan bahawa, nama Abdullah ke atas anak luar nikah itu lebih membuka keaiban si anak dengan katanya:

“Sekarang ini anak luar nikah semuanya dibinkan kepada Abdullah, jika semuanya nanti berbinkan kepada Abdullah, kita akan ada bukan ribu tetapi puluhan ribu dan lama kelamaan orang akan beranggapan bahawa zina ini merupakan suatu perkara biasa sahaja. Nanti mungkin ada yang mengatakan, tidak ada masalah berzina dahulu, sebab ramai yang bin Abdullah dan ia tidak akan jadi aib lagi”.

Oleh kerana ia adalah masalah ijтиhad, maka perbezaan pendapat dengan fatwa majoriti di Malaysia itu dalam hal ini adalah perkara biasa dalam kalangan mufti. Sehubungan dengan itu, artikel ini dihasilkan bertujuan untuk melihat kembali penghujahan fatwa yang dibawa oleh negeri Perlis dari sudut metodologi pendalilannya terhadap fatwa pensabitan nasab ATST kepada bapa biologi. Dengan adanya kajian ini, ia dapat menilai semula dakwaan yang menjadi hujah kepada keputusan fatwa negeri Perlis dengan mengambil kira sandaran dalil-dalil yang digunakan dalam pengeluaran fatwa. Pengkaji meyakini akan setiap fatwa yang dikeluarkan pastinya telah melihat pelbagai aspek ketika itu, namun sejauh manakah keabsahan dan kekuatan pendalilannya memerlukan kepada penelitian dalam artikel ini. Secara khususnya, artikel ini akan menjawab satu persoalan sahaja iaitu:

1. Apakah metodologi pendalilan terhadap fatwa pensabitan nasab ATST di Malaysia yang dinamakan kepada bapa biologi?

2.0 SOROTAN KAJIAN

Pengkaji telah menyoroti beberapa kajian lepas yang berlegar di bawah skop ATST bagi memperkuuhkan lagi perbincangan kajian. Pertamanya, penulis mulakan dengan satu artikel jurnal pada tahun 2020 oleh Mohd Mahyeddin Mohd Salleh, Nisar Mohammad Ahmad, Nur Mohammad Hadi Zahalan berjudul *“Pengurusan dan Perlindungan Anak Tak Sah Taraf melalui “Baby Hatch”: Satu Penilaian daripada Perspektif Maqasid Syari‘at dan Undang-Undang Malaysia”*. Hasil dapatkan menunjukkan bahawa, meskipun ATST lahir daripada perbuatan zina, kelahiran mereka tidak boleh dipersalahkan kerana bayi tersebut tidak berdosa, tidak menanggung dosa kedua ibu bapanya bahkan tetap mempunyai hak untuk hidup. Kajian Zulkifli Mohd, Engku Muhammad Tajuddin Engku Ali, Jamaluddin Hashim dan Asiah Bidin (2018) turut disoroti dalam satu artikel jurnal yang bertajuk *“Hukum Anak Luar Nikah*

Menjadi Imam Solat". Hasil dapatan menunjukkan bahawa keharusan anak luar nikah menjadi imam adalah lebih kuat dalam suasana semasa dan realiti masyarakat pada hari ini.

Abd. Ghani Ahmad dan Nuarrual Hilal Md. Dahlan (2017) dalam artikel jurnalnya berjudul "**Mengandung Anak Tak Sah Taraf: Kajian Kes di Daerah Kubang Pasu, Kedah**". Hasil dapatan menunjukkan bahawa remaja dan ahli keluarga mereka boleh menerima kelahiran ATST dan bersifat positif tentang kepentingan menjaga anak tersebut. Kajian terakhir adalah merupakan penyelidikan daripada artikel jurnal oleh Abd. Ghani Ahmad & Nuarrual Hilal Md. Dahlan (2016) bertajuk "**Kewajipan Menanggung Nafkah Anak Tak Sah Taraf: Satu Kajian Kes di Negeri Kedah**". Hasil dapatan menunjukkan bahawa ibu merupakan orang yang bertanggungjawab memberikan nafkah kepada ATST, manakala pihak bapa tidak dikenakan apa-apa tindakan. Jika melihat kepada kajian-kajian lepas ini, walaupun isu ATST itu dibahaskan dalam perbincangan artikel tersebut, namun isu metodologi pendalilan terhadap fatwa penamaan nasab ATST kepada bapa biologinya secara khusus tidaklah diperincikan secara berfokus. Oleh yang demikian, ia membuka ruang kajian dalam artikel ini untuk melihat isu perbincangan yang diutarakan dengan lebih.

3.0 METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian adalah merujuk kepada cara, kaedah dan pendekatan yang digunakan untuk memastikan objektif dan matlamat kajian tercapai (Mustaqim Roslan 2023). Oleh itu, kajian ini telah mengatur metodologi kajian dan strategi-strategi yang akan digunakan untuk mendapatkan maklumat dan data melalui tiga kaedah iaitu reka bentuk kajian, kaedah pengumpulan data dan kaedah analisis data. Falsafah di sebalik kajian ini adalah interpretif iaitu carian penjelasan tentang peristiwa-peristiwa sosial atau budaya yang didasari pada perspektif persekitaran yang dikaji (Muslim 2016). Selain itu juga, kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dalam mengadaptasi reka bentuk kajian. Manakala kaedah pengumpulan dan analisis data dalam kajian ini adalah dengan menggunakan kaedah analisis kandungan dokumen.

Kaedah analisis kandungan dokumen merupakan teknik yang digunakan untuk mendapatkan data dokumen. Menurut Krippendorff (2004) dan White & Marsh (2006), kaedah ini juga adalah teknik kajian yang digunakan bagi membuat kesimpulan yang boleh diulang dan sah daripada teks atau bahan lain yang bermakna bagi konteks yang digunakan. Tambahan lagi,

pengumpulan data melalui kaedah analisis kandungan dokumen ini turut dapat memberikan maklumat yang relevan kepada isu dan masalah yang dikaji. Kaedah ini diadaptasikan untuk mendapatkan data-data primer dan sekunder daripada tafsir dan syarah al-Quran, al-Sunnah, artikel-artikel jurnal, buku-buku ilmuan klasik, fatwa-fatwa berkaitan penamaan nasab ATST, peruntukan undang-undang dan semua dokumen yang berkaitan dengan kajian ini turut dijadikan sebagai data sekunder. (Mustaqim Roslan 2023).

4.0 FATWA PENAMAAN NASAB ATST KEPADA BAPA BIOLOGI

Negeri Perlis merupakan sebuah negeri yang menamakan nasab ATST dengan bapa biologinya dan fatwa mereka juga turut diwartakan sebagai enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri. Oleh kerana ia adalah masalah ijтиhad, maka perbezaan pendapat dengan fatwa majoriti di Malaysia itu dalam hal ini adalah perkara biasa dalam kalangan mufti. Berikut adalah perincian status pewartaan fatwa mereka seperti dalam jadual 1.0 di bawah:

Jadual 1.0: Pewartaan Nasab ATST Negeri Perlis

PERKARA	TARIKH	FATWA	STATUS
Hukum ATST	17 Januari 2013	Anak yang lahir kurang enam bulan selepas ibunya berkahwin, boleh dibinkan kepada suami ibunya, kecuali jika dinafikan oleh suami.	Diwartakan

Sumber: Majlis Agama Islam Perlis (2006)

Fatwa nasab ATST yang telah diwartakan oleh negeri Perlis seperti dalam jadual 1.0 di atas adalah, sekiranya mana-mana pihak yang telah terlanjur lalu mereka berkahwin dan tempoh seorang anak yang bakal dilahirkan itu kurang dari enam bulan dari tempoh akad nikahnya, maka anak itu layak dan boleh dibin atau dibintikkan kepada bapa biologinya. Ia berbeza dengan fatwa yang telah diwartakan oleh Fatwa Kebangsaan yang boleh dibin atau dibintikkan kepada bapa biologinya tetapi bersyarat, iaitu mestilah anak yang lahir itu lebih dari enam bulan dari tempoh akad nikahnya (Majlis Fatwa Kebangsaan Malaysia, 2005).

Sebagai contohnya, jika satu-satu pasangan yang bersetubuh di luar nikah dan mereka berkahwin seterusnya melahirkan anak selepas enam bulan, maka dia dibenarkan untuk dibin

atau dibintikkan kepada bapa biologinya. Tetapi sekiranya kurang dari enam bulan, maka mereka akan menamakan nasab anak tersebut kepada Abdullah atau nama-nama *Asma' al-Husna* berpangkalkan Abdul. Tambahan lagi, penamaan nasab ATST yang berpunca daripada masalah teknikal melibatkan JPN tidaklah termasuk dalam fatwa yang diwartakan oleh negeri Perlis ini. Contohnya, sekiranya terdapat mana-mana pihak yang telah bernikah secara sah di luar negara dan didapati dokumen mereka tidak mencukupi atau mana-mana pihak yang telah melahirkan anak tanpa pendaftaran hospital yang rasmi sehingga menyebabkan si anak tersebut tidak boleh didaftarkan di JPN, maka dikategorikan oleh mereka sebagai ATST.

Hal ini telah dibangkitkan oleh SS Mufti Perlis, Mohd Asri Zainul Abidin dalam tinjauan awal ketika sesi temu bual yang dijalankan. Beliau menekankan bahawa, tidak dibinkan kepada si bapa sehingga menyebabkan orang menganggap si anak itu adalah anak luar nikah merupakan satu bentuk kezaliman. Pihak pendaftaran secara tidak langsung seperti penyebab orang menuduh orang lain berzina. Itu merupakan kesalahan besar dalam agama Islam padahal pasangan itu tidak berzina. Jika orang berkahwin secara sah dan tidak diberi pendaftaran anak sehingga orang lain menyangka si anak itu tergolong dalam ATST, maka ia termasuk dalam dosa menyebabkan orang lain menuduh pasangan itu berzina (Ahmad Husni et al. 2015).

Dalam temu bual ini juga, SS Mufti Perlis menegaskan bahawa negeri Perlis tidak berpandangan kebaikan apabila ATST itu dinamakan kepada Abdullah. Hal ini adalah kerana, realiti yang berlaku tidak lain hanya untuk memalu dan mematahkan semangat orang untuk menjadi baik selain membuka aibnya. Beliau berpandangan bahawa, sekiranya banyak kes anak luar nikah ini dibinkan kepada Abdullah sehingga mencecah puluhan ribu, lama kelamaan orang akan menganggap bahawa zina ini suatu perkara biasa sahaja. Atas dasar itulah Perlis tidak bersepakat dengan Fatwa Kebangsaan dalam hal penamaan nasab ATST kepada Abdullah (Ahmad Husni et al. 2015).

Oleh yang demikian, dapatlah dirumuskan daripada pandangan kedua bagi fatwa penamaan nasab ATST negeri Perlis ini adalah seperti berikut:

1. ATST adalah anak yang lahir di luar nikah dan tidak disebabkan kesalahan teknikal yang melibatkan JPN.

2. Anak luar nikah yang lahir kurang dari enam bulan dari tempoh akad nikahnya boleh dibin atau dibintikan kepada bapa biologinya. Ia bertujuan untuk menutup aib pasangan dan si anak agar kehidupan mereka akan datang dapat ditempuh dengan baik.
3. ATST tidak boleh dibin atau dibintikan kepada Abdullah sekiranya dinafikan oleh si suami.

4.1 HUJAH PENDALILAN BAGI FATWA PENAMAAN NASAB ATST KEPADA BAPA BIOLOGI

Pendapat kedua yang merupakan pendapat minoriti dalam pensabitan nasab ATST di Malaysia adalah diharuskan untuk menasabkan anak tersebut kepada bapa biologinya. Pendapat ini kebanyakannya daripada sebahagian ulama salaf seperti Hassan al-Basri, Ibnu Sirin, ‘Urwah dan sebagainya. Ia turut disokong oleh Ibnu Taimiyyah dan anak muridnya yang masyhur Ibnu Qayyim al-Jawziyah (*Al-Mawsu‘at al-Fiqhiyat al-Kuwaytiyat* 1983). Ibnu Qayyim al-Jawziyah (2006) menghuraikan pandangan mazhab ‘Urwah bin al-Zubayr dan Sulayman bin Yasar, yang mana mereka berpendapat bahawa, sesiapa yang mendakwa seseorang budak sebagai anaknya dan dia berzina dengan ibu budak itu dan tidak ada orang lain yang turut mendakwa sedemikian, maka budak itu adalah anaknya.

Menurut Ibnu Muflih (1921) bahawa menasabkan anak zina kepada penzina adalah mazhab Hassan al-Basri dan termasuklah juga al-Nakhai dan Ishaq. Ibnu Qayyim al-Jawziyah (2006) berhujah dengan menyatakan bahawa ATST boleh dinasabkan kepada penzina adalah sepetimana dalam hadis Nabi SAW di bawah yang bermaksud:

Daripada A’isyat RA katanya: ‘Utbat bin Abi Waqqas RA berpesan kepada saudaranya Sa‘ad bin Abi Waqqas RA: “Anak lelaki Zam’at dengan sahayanya adalah anakku maka engkau ambillah dia”. Pada tahun pembukaan Makkah, Sa‘ad mengambil budak tersebut dan berkata: “Dia ini anak saudaraku, dia berpesan supaya aku menjaganya (budak tersebut itu iaitulah Abdul Rahman bin Zam’at)”. Kemudian berkata pula Abd bin Zam’at RA: “Dia ini (Abdul Rahman) adalah saudaraku, anak sahaya bapaku, dilahirkan, dilahirkan atas hamparannya”. Maka, Nabi SAW kemudian memutuskan hukum dengan sabda Baginda: “Sesungguhnya dia ini adalah bagi kamu wahai Abd bin Zam’at kerana anak itu milik hamparan (wanita) dan bagi penzina adalah batu (tidak mendapat apa-apa hak)”, kemudian

Baginda bersabda pula kepada Saudat binti Zam'at RA (isteri Baginda): “Berhijablah kamu di hadapan dia (Abdul Rahman) dengan ‘Utbat, maka Saudat tidak pernah berjumpa dengannya sehingga dia wafat”. (H.R. Bukhari: 2745)

Penjelasan hadis di atas menunjukkan bahawa ATST itu adalah tidak terhalang dalam menetapkan nasab kepada bapa biologinya dengan menggunakan kaedah *al-qiyafat* (Ibnu Qayyim al-Jawziyah 2006). Kaedah *al-qiyafat* ialah menetapkan nasab berdasarkan kemiripan antara anak dengan bapanya. Konsep penetapan nasab dengan cara ini sering kali dilakukan oleh Nabi SAW ketika terjadi sengketa antara dua orang yang saling mengakui anak atau bayi yang terlahir daripada seorang perempuan (Muhammad 2020). Ibnu Hamzah al-Damsyiqi (1991) menyokong kenyataan ini dalam kitab *Asbab al-Wurud* apabila berlakunya pertengkaran di antara Sa‘ad bin Abi Waqqas dan ‘Abd bin Zam’at dalam merebutkan seorang anak. Nabi SAW telah menentukan nasab setelah melihat rupa paras anak tersebut adalah mirip dengan ‘Utbat bin Abi Waqqas (Lukman & Azhan Yahya 2016).

Pengaplikasian kaedah ini adalah sama dengan ujian DNA (*Deoxyribonucleic Acid*) selari dengan kemajuan teknologi pada zaman kini. Oleh yang demikian, kaedah *al-qiyafat* atau ujian DNA ini adalah menjadi *turuq ithbat* bahawa Nabi SAW juga mengiktiraf ciri-ciri genetik seperti melihat kepada kemiripan seorang anak kepada bapa biloginya. Dalil di atas menjadi hujah Ibnu Qayyim al-Jawziyah (2006) dalam menetapkan hubungan mahram, nasab, warisan, nafkah dan perwalian ke atas anak zina dengan ayahnya. Menurut Imanuddin (2018), peristiwa yang masyhur ini dijadikan alasan normatif dibenarkannya menetapkan nasab melalui metode *al-qiyafat* di mana Nabi SAW mengkhabarkan tentang keharaman menafikan anak hanya kerana perbezaan warna kulit yang berbeza.

Begitu juga dalam sebuah hadis Nabi SAW bersabda yang bermaksud:

Daripada Amru bin Syu‘aib, daripada ayahnya, daripada datuknya bahawa Nabi SAW bersabda: “Setiap anak yang didapati setelah kematian ayahnya, yang anak itu dinasabkan kepadanya, maka ahli warisnya hendaklah menasabkan anak tersebut kepada ayahnya”. Maka Nabi SAW memutuskan bahawa: Setiap anak yang dilahirkan oleh sahaya yang dimiliki tuannya semasa hayat tuannya dan disetubuhinya, maka anak itu dinasabkan pada tuannya dan anak itu tidak mendapat harta warisan yang telah dibahagikan sebelum dia (anak) ditemui, maka dia

mendapat bahagiannya tetapi jika bapa yang hendak dinasabkan anak kepadanya ingkar (bahawa budak itu anaknya), maka dia tidak dinasabkan. Jika seorang anak dilahirkan oleh seorang sahaya yang belum dimiliki tuannya atau dilahirkan oleh seorang wanita merdeka hasil perzinaan keduanya, maka anak itu tidak boleh dinasabkan kepadanya (bapa) dan tidak boleh mendapat pusaka. Jika bapanya mengakui bahawa anak itu anaknya, maka anak itu adalah anak zina yang mewarisi harta sebelah ibunya sama ada daripada wanita sahaya atau merdeka". (H.R. Bukhari: 3252).

Menurut Ibnu Qayyim al-Jawziyah (2013), anak zina itu adalah mahram pada ayahnya daripada zina dan tidaklah berlaku pada hukum warisan antara keduanya. Hal ini kerana, hadis di atas jelas menunjukkan bahawa Nabi SAW memutuskan jika anak itu daripada hamba perempuan yang dimiliki tuannya ketika dia menyebuhinya, maka anak itu dinasabkan kepada orang yang menuntutnya. Anak itu tidak mendapat pusaka yang diagihkan sebelum daripada itu. Jika dia sempat terhadap pusaka yang belum dibahagikan, maka dia mendapat haknya. Anak itu tidak dinasabkan jika si ayah menafikannya. Jika anak itu daripada hamba perempuan yang tidak dimilikinya atau daripada perempuan merdeka yang dia berzina dengannya, maka anak itu tidak dinasabkan kepadanya dan tidak boleh mewarisinya (Mustafa Kamaruddin 2019).

Oleh yang demikianlah anak zina itu boleh dinasabkan kepada bapa biologinya atas alasan pengakuan mahupun *istilhaq*. Pendapat ini dipilih oleh Ibnu Taimiyah (2011) daripada mazhab Hanbali apabila adanya *claim* (tuntutan) atau *istilhaq* (pengakuan) daripada bapa biologinya. Namun begitu, ATST adalah tidak layak mewarisi harta pusaka berpandukan kepada hadis ini bahkan hanya ibu dan anak sahaja bebas mewarisi antara mereka. Hal ini kerana, ibu tersebut digelar sebagai '*umm al-walad*' yang mempunyai kedudukan tertentu dalam hukum fikah (Lukman Abdul Mutalib, et. al 2021).

Seterusnya dalam hadis Nabi SAW yang diriwayatkan oleh Zayd Ibnu Arqam yang bermaksud:

Daripada Zayd Ibnu Arqam, ““Ali berkata ketika ada di Yaman pernah didatangi tiga orang lelaki yang sama-sama menyebuh seorang wanita dalam satu kali masa sucinya, maka ‘Ali bertanya kepada dua orang di antara mereka, apakah kalian berdua mengakui anak ini? Mereka menjawab tidak, sampai akhirnya ‘Ali bertanya kepada ketiga-tiganya, setiap kali ‘Ali bertanya dua orang di antara

mereka, mereka selalu menjawab tidak. Sehingga akhirnya ‘Ali melakukan undian dan menasabkan bayi tersebut dengan salah seorang yang mendapat undian tersebut dan membebaninya $\frac{2}{3}$ *diyat*. Zayd Ibnu Arqam berkata bahawa hal ini diceritakan kepada Nabi SAW sehingga beliau tertawa sampai kelihatan gigi gerahamnya”. (H.R. Abi Daud: 2272)

Penjelasan hadis di atas menunjukkan bahawa, kaedah *al-qur‘at* (undian) merupakan salah satu *turuq ithbat* dalam menentukan nasab ATST. Khalifah ‘Ali RA telah melakukan undian ke atas tiga orang lelaki bagi menentukan siapa ayah kepada anak yang dilahirkan daripada wanita tersebut. Setelah itu, salah seorang daripada tiga orang tersebut mendapat undiannya dan dinyatakan oleh Khalifah ‘Ali RA bahawa lelaki itulah ayahnya. Peristiwa tersebut disampaikan kepada Nabi SAW dan Nabi SAW hanya tertawa hingga ternampak gerahamnya. Hal ini menjadi hujah sebahagian ulama salaf bahawa, ATST itu harus dinasabkan kepada bapa biologinya disebabkan perlakuan Nabi SAW tidak menafikan mahupun membantah perbuatan khalifah ‘Ali RA tersebut. Akan tetapi, Ibnu Qayyim al-Jawziyah (2006) mengatakan bahawa undian ini dinilai sebagai cara dan upaya paling terakhir ketika tidak mampu diselesaikan melalui pengakuan, pembuktian atau perkiraan. Selain daripada itu juga, terdapat dua perkara penting yang dapat diperoleh daripada hadis ini iaitu pertama memasuki undian dalam penasaban, dan yang kedua ialah denda bagi orang yang keluar kepadanya undian iaitu dua pertiga *diyat* anaknya kepada dua orang sahabatnya (Ibnu Qayyim al-Jawziyah 2006). Hal ini bererti, jika salah seorang daripada mereka membuktikan nasab anaknya, dia tidak perlu membayar dua pertiga *diyat* (Khalil Ahmad 2015).

Atas dasar itulah perbuatan khalifah ‘Umar al-Khaṭṭab RA turut dijadikan hujah bagi menasabkan anak kepada bapa biologinya. Ibnu Taimiyyah (2011) pernah menukilkan perbuatan khalifah ‘Umar al-Khaṭṭab RA ini di dalam kitabnya *Majmu’ al-Fatawa*, yang mana khalifah ini telah menasabkan anak-anak yang dilahirkan pada zaman Jahiliyah kepada bapa-bapa mereka dan tidak ada riwayat bahawa mereka berselisih dengan beliau. Hal ini turut disokong oleh satu riwayat Sulayman Ibnu Yasar seperti di dalam *al-Muwatta’* oleh Imam Malik (1927) memperakui bahawa khalifah ‘Umar al-Khaṭṭab RA pernah menasabkan anak-anak zaman Jahiliyah kepada sesiapa yang mendakwa mereka dalam Islam.

Bersandarkan kepada dalil-dalil dan hujah inilah terdapat juga pandangan yang mengharuskan untuk dinasabkan anak kepada bapa biologinya di Malaysia iaitu seperti pewartaan yang dibuat

oleh enakmen Undang-undang Keluarga Islam negeri Perlis. Pandangan fatwa negeri Perlis ini menyokong pendapat dan hujah dalam kalangan salaf yang membolehkan dinasabkan kepada bapa zina yang mengakui anaknya seperti ‘Urwah bin al-Zubayr, Hassan al-Basri, Sulayman bin Yasar, Muhammad Ibnu Sirin, Ishaq bin Rahuyat atau Rahawayh (Ibnu Qudamah 1997). Antara hujah yang dibawa oleh fatwa negeri Perlis adalah daripada hadis Nabi SAW yang diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim tentang Jurayj seorang ahli ibadah yang dituduh berzina dengan seorang wanita oleh orang ramai dengan hadisnya seperti berikut yang bermaksud:

Daripada Abi Hurayrat RA, telah bersabda Nabi SAW, “ada seorang lelaki daripada bani Israel bernama Jurayj, suatu hari dia sedang bersolat lalu datang ibunya memanggilnya, “Wahai Jurayj”. Lalu Jurayj bertanya di dalam hatinya, “Apakah aku harus menjawab panggilan ibuku atau meneruskan solatku?” Rupanya dia mendahulukan solatnya. Lalu ibunya memanggil untuk kedua kalinya. Jurayj kembali bertanya di dalam hatinya, “Ibuku atau solatku?” Rupanya dia mendahulukan solatnya. Ibunya memanggilnya lagi untuk kali ketiga, Jurayj kembali bertanya di dalam hatinya, “Ibuku atau solatku?” Rupanya dia mendahulukan solatnya. Ketika panggilan ibunya tidak dijawab, ibunya berkata: “Semoga Allah SWT tidak mewafatkanmu wahai Jurayj sehingga wajahmu dipertontonkan di hadapan pelacur”. Lalu ibunya beredar pergi meninggalkannya. Tidak lama ketika itu datang wanita (pelacur) menggoda Jurayj tetapi gagal dan wanita tadi pergi pula menggoda seorang pengembala kambing sehingga melahirkan seorang anak. Wanita tadi menghebohkan anak itu adalah hasil zinanya dengan Jurayj, lalu penduduk kampung menyerang Jurayj dengan merobohkan tempat ibadatnya, mencerca dan menghalauinya dari situ. Jurayj berwuduk dan menunaikan solat lalu bertanyakan kepada bayi itu: “Siapakah bapamu wahai bayi?”. Lalu berkata bayi itu: “Bapaku si pengembala kambing”. Lalu penduduk kampung bertanya kepada Jurayj: “Apakah perlu kami bangunkan kembali tempat ibadatmu daripada emas?” Kata Jurayj: “Tidak perlu, cukuplah daripada tanah sahaja”. (H.R. Bukhari: 6508)

Penjelasan hadis di atas menunjukkan jawapan bayi itu dijadikan hujah bahawa dalam *karamat* yang Allah SWT zahirkan, apabila bayi itu ditanya “siapa bapa kamu?”, dia menjawab “pengembala itu”. Hal ini membawa maksud bahawa penzina itu dinasabkan kepada bapanya. Tidaklah ditanya oleh Jurayj itu, “siapa yang berzina dengan ibu kamu?”. Atas alasan itulah

anak itu dinisbahkan kepada bapa zinanya. Jika penzina itu bukan bapa kepada anak hasil zinanya, tentulah tidak digunakan perkataan bapa di dalam hadis itu. Hadis ini juga turut dijadikan hujah oleh al-Qurtubi (2014) dalam tafsirnya apabila beliau mentafsirkan surah al-Nisa' (ayat: 23) dengan mendatangkan hadis Jurayj ini dan menisbahkan perakuan Allah SWT dan perkhabaran Nabi SAW itu adalah sahih. Maka sabitlah kedudukannya sebagai anak dan hukum-hakam anak. Selain daripada itu juga, hadis di atas memperlihatkan bahawa *karamat* itu nyata terjadi pada umat sebelumnya. Jurayj terbebas daripada tuduhan pencabulan dan perzinaan disebabkan anak bayi hasil hubungan sulit antara pelacur dan pengembala kambing dapat berbicara dengan jelas siapa ayahnya yang sebenar, dan ini adalah merupakan sebahagian daripada *karamat* yang dimiliki oleh Jurayj sehingga terbebas daripada segala tuduhan pencabulan dan perzinaan (Faisal Muhammad Nur 2021).

Ibnu Hajar al-Asthqalani (1449) pernah berkata yang bermaksud:

“Dan sebahagian ulama Maliki berdalilkan perkataan Jurayj: “Siapakah bapamu wahai bayi?” bahawa sesiapa yang berzina dengan seorang wanita lalu dia melahirkan anak perempuan, tidak boleh dia berkahwin pula dengan anak perempuan tersebut bersalah dengan pendapat mazhab Syafii dan Ibnu Majisyun daripada *Malikiyyat*. Wajah dilalatnya adalah Jurayj menasabkan anak zina itu kepada penzina dan Allah SWT membenarkan tindakan Jurayj itu dengan dijadikan bagi Jurayj perkara yang menyalahi adat apabila bayi itu bercakap dan demikian juga ucapan bayi itu, bapaku adalah si pengembala adalah nasab yang sahih maka wajib melaksanakan hukum-hakam anak dan bapa antara keduanya kecuali hukum waris dan wali kerana ada dalil, maka kekallah selain itu atas hukumnya”.

Hal ini bererti, Ibnu Hajar al-Asthqalani menukilkan pandangan sebahagian daripada ulama mazhab Maliki dan berpandangan nasab dalam kes anak zina itu berasingan dengan hukum perwalian dan pewarisan serta nasab tidak menjadi *matbu'* (mengikut) kepada pewarisan dan perwalian. Pandangan ini telah dijadikan hujah sebahagian ulama yang berpandangan bahawa anak zina itu dinasabkan kepada bapanya tanpa hukum perwalian dan pewarisan. Tambahan lagi, Ibnu Hajar al-Asthqalani (1449) memindahkan pandangan sebahagian ulama yang menjadikan kes Jurayj ini sebagai dalil penerimaan kaedah pendakwaan seorang wanita tanpa suami. Manakala nasab bayi yang dilahirkannya terhadap seseorang lelaki diterima sebagai keterangan yang mensabitkan nasab kepadanya, kecuali lelaki tersebut menafikan sebaliknya

(Mohd Azhar & Muhammad Lukman 2014). Oleh yang demikian, ini membuktikan bahawa terdapat ulama yang berpendapat anak zina itu dinasabkan kepada bapanya tetapi dikecualikan hukum pewarisan dan perwalian kepada bapanya kerana ada dalil lain yang berhujah dengannya. Ibnu Qayyim al-Jawziyyah (2006) telah menghuraikan pandangannya dalam kitab *Zad al-Ma'ad fi Hadi Khayr al-'Ibad* dengan katanya yang bermaksud:

“Jika dikatakan hadis ini (*al-Walad li al-Firasy*) adalah untuk hukum menasabkan anak jika ibunya itu *al-firasy*, maka bagaimana pula jika seorang penzina menuntut nasab anak yang ibunya bukan *al-firasy* (tidak ada pertindihan tuntutan), adakah anak itu dinasabkan kepada penzina? Maka dikatakan ini adalah masalah yang sangat halus yang telah berbeza pandangan ahli ilmu padanya, Ishaq bin Rahawayh berpendapat jika anak itu ibunya bukan *al-firasy* dan ditakwil maksud hadis Nabi SAW: “Anak itu untuk hamparan”, adalah dilaksanakan apabila bertelagah antara penzina dengan empunya *al-firasy* (suami atau tuan sahaya) seperti yang telah disebutkan. Ini juga adalah mazhab Hassan al-Basri yang diriwayatkan Ishaq dengan sanadnya berkenaan lelaki yang berzina kemudian wanita yang dizinainya itu melahirkan anak dan dia mengakui itu anaknya hendaklah (menurut Hassan al-Basri) disebat lelaki itu anak itu dinasabkan padanya. Ini juga mazhab ‘Urwah bin al-Zubayr dan Sulayman bin Yasar, keduanya berkata: “Sesiapa yang mendakwa seseorang budak sebagai anaknya dan dia berzina dengan ibu budak itu dan tidak ada orang lain yang turut mendakwa demikian, maka budak itu adalah anaknya. Sulayman berhujah dengan perbuatan ‘Umar bin al-Khaṭṭab yang menasabkan anak-anak Jahiliyah (hasil zina) dengan bapa yang mengaku sebagai penzina (yang menghasilkan anak-anak itu setelah Islam). Mazhab ini adalah kuat dan jelas sebagaimana yang kamu lihat dan tidak ada dalil bagi jumhur melainkan hadis anak itu untuk hamparan, sedangkan mazhab itu telah pun berdalil dengan hadis tersebut dan mentafsirkannya dengan lebih jelas dan qias yang sahih menyokong pendapat ini kerana bapa adalah salah seorang penzina yang menghasilkan anak tersebut. Jika anak itu dinasabkan kepada ibunya dan berlaku hukum pusaka antara dia dan keluarga ibunya sedangkan dia (ibu anak zina itu) juga telah berzina dan air mani keduanya telah bercampur dalam kejadian anak tersebut dan kedua mereka ibu dan bapa daripada zina mengaku budak itu sebagai anak mereka, maka apakah yang menghalang daripada dinasabkan budak tersebut kepada bapa daripada zina jika tiada pihak lain mendakwa nasabnya? Ini adalah persoalan qias sahaja...”.

Pandangan ini turut ditarjihkan oleh Ibnu Taimiyyah dan demikian juga Muhammad Rida (1898) dalam kitabnya *Tafsir al-Manar* ketika mentafsirkan surah al-Nisa' (ayat: 23) yang mana beliau menolak pendapat ulama mazhab Syafii yang membolehkan bapa zina berkahwin dengan anak zina. Ketika itu beliau menyebut bahawa nasab disabitkan dengan perkahwinan ataupun pengakuan. Lelaki yang berzina hendaklah dinasabkan kepadanya jika pasti itu anaknya. Atas alasan inilah mereka bersepakat bahawa anak zina merupakan mahram kepada bapanya, tidak kiralah sama ada pada nasab, *musyaharat* (persemendaan) atau *radha'at* (penyusuan). Adalah menjadi kepastian bahawa mahramnya anak zina itu dengan bapanya si penzina bukanlah kerana *radha'at* (penyusuan), maka dengan itu kekallah asal sebab mahramnya anak zina dengan nasab iaitu dia bernasab kepada bapanya yang berzina dengan ibunya (Ibnu Kathir 2003).

Selain itu juga, terdapat pendapat jumhur yang mengatakan bahawa anak zina itu tidak mewarisi harta bapanya daripada zina bahkan tidak juga menafikan nasab anak tersebut kepada bapanya. Ibnu Qayyim al-Jawziyat (2013) menyatakan yang bermaksud:

“Dan hukum-hukum itu terbahagi-bahagi dalam satu masalah yang sama beramal dengan kesamaan yang berlaku (dalam kes itu) seperti berbezanya hukum dalam hal penyusuan di mana susuan itu menetapkan hukum warisan dan nafkah, maka demikian juga dalam kes anak zina di mana dia mahram pada ayahnya daripada zina dan tidak berlaku pula hukum warisan antara keduanya dan misalnya banyak lagi untuk disebut”.

Apa yang dapat difahami daripada kata-kata Ibnu Qayyim al-Jawziyat ini ialah seorang anak zina atau ATST itu hanya memiliki hubungan dengan lelaki yang merupakan ayah biologinya apabila dibuktikan kebenarannya. Keharusan menetapkan nasab atau hubungan mahram anak zina dengan bapa biologinya itu adalah sekiranya lelaki itu mengakui anak tersebut sebagai anaknya. Namun begitu, mereka tidak saling mewarisi dan tidak ada kewajipan nafkah atas bapa biologi dengan anak yang diakuinya itu. Hal ini bererti, anak zina itu adalah mahram bagi ayahnya dan hanya sebagai pertalian hubungan ayah dan anak sahaja, namun hubungan itu bukanlah anak dalam ertian sebagai seorang ahli waris yang layaknya seperti anak kandung iaitu anak yang sah menurut hukum. Demikianlah pandangan Ibnu Qayyim al-Jawziyat (2013) menyatakan bahawa, terputusnya hubungan hak saling mewarisi, nafkah, perwalian dan sebagainya kecuali hubungan mahram dengan anaknya.

Hal ini turut disokong oleh fatwa *al-Mawsu‘at al-Fiqhiyat al-Kuwaytiyat* (1983) yang mana mereka berpandangan bahawa, para ulama menetapkan juga anak zina itu mahram kepada ayahnya daripada zina dengan katanya yang bermaksud:

“Telah sepakat para fuqaha bahawa anak zina itu mahram kepada lelaki yang berzina dengan ibunya dan jumhur mereka juga berpendapat diharamkan juga anak zina kepada *usul* seperti datuk, dan bapa) kepada penzina dan *furu’nya* (seperti anak dan cucu penzina) kerana sebahagian darinya (penzina)”.

Hal ini bererti, jika seseorang lelaki itu berzina dengan seorang perempuan dan perempuan itu pula hamil anak perempuan daripada hubungan tersebut, maka haram ke atas lelaki itu, asal-usulnya dan keturunannya untuk berkahwin dengan anak perempuan tersebut. Tambahan lagi, penzina itu juga tidak mewarisi harta anak zinanya dan sebaliknya (*Al-Mawsu‘at al-Fiqhiyat al-Kuwaytiyat* 1983). Menurut Fifin Dwi Novianti (1988), terdapat empat sebab terjadinya pewarisan dalam sistem hukum waris Islam, iaitu adanya hubungan darah atau kerabat, hubungan perkahwinan, hubungan walak dan kerana tujuan Islam. Anak tidak sah adalah tidak memenuhi keempat-empat kriteria tersebut dengan ayahnya dan keluarga ayahnya. Oleh kerana itu, anak zina tidak berhak mewarisi harta kekayaan ayahnya dan keluarga ayahnya dan begitulah sebaliknya.

Adapun dalam mazhab Syafii menetapkan anak zina bukan mahram kepada bapanya daripada zina dan bapanya itu boleh berkahwin dengan anak perempuannya daripada hasil zina. Berkata al-Nawawi (1992) yang bermaksud:

“Seorang lelaki berzina dengan seorang wanita lalu wanita itu melahirkan seorang anak perempuan (hasil perzinaan mereka), maka harus bagi penzina itu bernikah dengan anak perempuan tersebut tetapi makruh dikatakan (satu wajah dalam mazhab) jika dia yakin anak perempuan itu hasil air maninya, haram bernikah dan terdapat pendapat mengatakan haram secara mutlak (sama seperti jumhur), adapun yang sahih (pada mazhab) adalah halal secara mutlak”.

Pandangan al-Nawawi ini membawa erti bahawa, anak daripada hasil zina di antara lelaki dan perempuan itu membolehkan anak yang terlahir itu berkahwin dengan ayah kandungnya. Hal

ini adalah kerana, hubungan antara ayah biologi dengan anaknya itu adalah bukan mahram di sisi mazhab Syafii. Oleh kerana itu, hakim akan dijadikan sebagai wali sekiranya bapa biologi itu ingin mendirikan rumah tangga bersama anaknya jika hal sedemikian berlaku. Pernikahan anak hasil zina dengan ayah biologinya adalah berdasarkan kepada dalil al-Quran dalam surah al-Nisa' (ayat: 23) yang mana Allah SWT menjelaskan bahawa tidak terjadinya hubungan *musyaharat* antara anak hasil zina dengan ayah biologinya. Sesungguhnya perbuatan zina itu tidak menjadikan hubungan *musyaharat* yang menimbulkan status mahram. Demikianlah pandangan al-Nawawi (1992) bahawa, hubungan lelaki yang berzina dengan anak yang terlahir daripada hubungan tersebut adalah bukan mahram dan diperbolehkan menikahi anak perempuannya itu meskipun dalam hal ini sebahagian ulama menghukumkannya sebagai makruh.

Walaupun al-Nawawi (2009) menjelaskan bahawa Imam Syafii berpendirian sedemikian, namun dalam kalangan fuqaha *Syafi'iyyat* sendiri terdapat perselisihan pendapat tentang bayi perempuan yang diingkari dengan *li'an*. Ada di antara mereka yang berpandangan bahawa lelaki yang melakukan *Ii'an* boleh menikahinya, kerana dia diingkari sehingga hukumnya seperti anak perempuan hasil zina. Tambah al-Nawawi lagi, ada di antara mereka pula yang berpandangan bahawa lelaki yang melakukan *li'an* tidak boleh menikahinya, kerana dia tidak diingkari secara pasti. Oleh kerana itulah apabila lelaki tersebut mengakuinya, maka nasabnya berlaku untuk lelaki tersebut.

Selain daripada itu juga, terdapat sebahagian ulama *salaf* yang berbeza pendapat dalam hal ini dan mereka tetap berhujah bahawa anak zina itu adalah anak yang hakiki kepada bapanya. Oleh yang demikian, menurut golongan ini bahawa anak itu mestilah dinasabkan kepada penzina dan mewarisi hartanya dan sebaliknya (*Al-Mawsu'at al-Fiqhiyat al-Kuwaytiyat* 1983). Pendapat ini dikemukakan oleh Ibnu Sirin, Hasan al-Basri, dan disokong oleh Ibnu Taimiyah dan anak muridnya Ibnu Qayyim al-Jawziyah.

Berkata Ibnu Mufligh (1921) dalam *al-Furuq* yang bermaksud:

“Dan memilih Syeikh kami bahawa jika seorang lelaki menuntut nasab anaknya daripada zina dan wanita itu bukan *al-firasy* dinasabkan padanya. Adapun yang dinaskan daripada Imam Ahmad tidak dinasabkan. Dalam Kitab *al-Intisar* dinyatakan: Masalah berkahwin dengan wanita zina adalah masalah ijtihad,

kemudian dinyatakan: Ibnu al-Labban menyebut dalam *al-I'jaz* bahawa ini (menasabkan anak zina kepada penzina) adalah mazhab al-Hasan al-Basri, Ibnu Sirin, ‘Urwah, al-Nakha’i dan Ishaq dan demikian lagi disebut dalam ‘*Uyun al-Masail* tetapi tidak dinyatakan bahawa ini pendapat Ibnu al-Labban”.

Pandangan Ibnu Mufligh di atas adalah jelas membuktikan bahawa sebahagian pendapat ulama yang terdiri daripada mazhab al-Hasan al-Basri, Ibnu Sirin, ‘Urwah, al-Nakha’i dan Ishaq adalah bersetuju menasabkan anak zina kepada lelaki yang menzinai ibu kandungnya. Hal ini terjadi sekiranya lelaki itu sememangnya mengakui bahawa wanita itu tidak bersuami dan anak yang terlahir adalah daripada hubungan mereka berdua. Mereka juga berpendapat bahawa anak zina itu adalah anak yang hakiki kepada bapa biologinya, maka menurut golongan ini, anak itu dinasabkan kepada lelaki yang menzinai ibunya dan turut mewarisi hartanya dan sebaliknya. Adapun Ibnu Taimiyyah dan anak muridnya Ibnu Qayyim al-Jawziyah (2006) turut menyokong pendapat mazhab ‘Urwah bin al-Zubayr dan Sulayman bin Yasar, iaitu sesiapa yang mendakwa seseorang budak sebagai anaknya dan dia berzina dengan ibu budak itu serta tidak ada orang lain yang turut mendakwa sedemikian, maka budak itu adalah anaknya.

5.0 KESIMPULAN

Secara tuntasnya, pendapat yang berpandangan bahawa diharuskan untuk menasabkan ATST kepada bapa biologinya adalah kebanyakannya daripada sebahagian ulama salaf seperti Hassan al-Basri, Ibnu Sirin, ‘Urwah dan sebagainya. Ia turut disokong oleh Ibnu Taimiyyah dan anak muridnya yang masyhur Ibnu Qayyim al-Jawziyah. Asas metodologi pendalilan terhadap fatwa tersebut adalah berpaksikan kepada empat sumber asas daripada al-Sunnah iaitu, HR Bukhari (no: 2745) tentang kisah Sa’ad bin Abi Waqqas, HR Bukhari (no: 3252) daripada Amru bin Syu’air, HR Abi Daud (no: 2272) daripada Zayd ibnu Arqam dan HR Bukhari (no: 6508) tentang kisah pertuduhan zina ke atas Juraij. Kesemua dalil ini disokong dan dihuraikan oleh ulama-ulama hadis tentang kesahan dalam pensabitan nasab ATST kepada bapa biologinya. Namun begitu, kajian ini mencadangkan agar pentarjihan fuqaha dilakukan dalam penilaian semula terhadap kesemua dalil yang menjadi asas kepada fatwa pensabitan nasab ATST kepada bapa biologi.

6.0 BIBLIOGRAFI

- Abd. Ghani, A. & Nuarrual Hilal, M. D. (2016). *Kewajipan Menanggung Nafkah Anak Tak Sah Taraf: Satu Kajian Kes di Negeri Kedah*. Journal of Legal Studies. Universiti Utara Malaysia (UUM).
- Ahmad Husni, H., Anwar, A., Rizal, M., Hasnan, A. B., Mustaqim Roslan, M. (Interviewer). (2015 April 9). *Interview with SS Dr. Harussani Zakaria (Mufti Negeri Perak)*. (Recorder). Pejabat Mufti, Negeri Perak Darul Ridzuan.
- Ahmad Husni, H., Anwar, A., Rizal, M., Hasnan, A. B., Mustaqim Roslan, M. (Interviewer). (2015 Oktober 12). *Interview with SS Dr. Mohd Asri Zainul Abidin (Mufti Negeri Perlis)*. (Recorder). Pejabat Mufti, Negeri Perak Darul Ridzuan.
- Al-Asthqalani, I. H. (1449). *Fath al-Bari*. Kaherah, Mesir.
- Al-Nawawi, Z. Y. (1992). *Rawdat al-Talibin*. Dar al-Kutub al-'Ilmiyat, Beirut.
- Al-Nawawi, Z. Y. (2009). *Al-Majmu‘ Syarh al-Muhadhdhab*: Bab Nikah dan Shadaq (Mas Kawin). (Al-Muthi', M. N. Trans.). Pustaka Azzam.
- Al-Qurtubi. (2014). *Al-Jami‘ li Ahkam al-Quran*. n.d. Dar al-Fikr, Beirut.
- Bernama. (2017, Ogos 17). *Abdullah Buka Aib, Galakkan Zina?*. SS Dr. Asri Zainul Abidin. Sinar Harian.
- Faisal Muhammad, N., Karamah., & Mursyid, R. (2021). *Dalam Perspektif Tarekat Naqsyandiyah*. Jurnal Pemikiran Islam. Vol. 1 No. 2. UIN Ar-Raniry Banda Aceh.
- Fifin Dwi, N. (1988). *Kedudukan Anak Hasil Proses Bayi Tabung dalam Pewarisan Menurut Hukum Islam*. (Postgraduate Thesis). Universitas Airlangga.
- Hans Wehr. (1980). *A Dictionary of Modern Written Arabic*. n.d. Library Du Liban, Beirut.
- Ibnu Hamzah al-Damsyiqi. (1991). *Asbab al-Wurud: Latar Belakang Historis Timbulnya Hadis-Hadis Rasulullah*. (Wijaya & Z. Salim., Trans.). 1st ed. Kalam Mulia, Jakarta.
- Ibnu Kathir, F. (2003). *Tafsir Ibnu Kathir*. (Ishaq, M. A., Trans.). 1st ed. Pustaka Imam Syafii.
- Ibnu Muflih, A. M. (1921). *Al-Furuq*. 1st ed. Dar al-Mu'ayyad, Mu'assasat al-Risalat.
- Ibnu Qayyim. (2006). *Zad al-Ma'ad fi Hadi Khayr al-'Ibad*. n.d. Dar al-Kutub al-'Ilmiyat.
- Ibnu Qayyim. (2013). *I'lam al-Muwaqqiin 'An Rabb al-'Alamin*. Dar al-Kutub al-'Ilmiyat, Beirut.
- Ibnu Qudamah. (1997). *Al-Mughni*. 1st ed. Dar al-Fikr.
- Ibnu Taimiyah. (2011). *Al-Fatawa al-Kubra*. Dar al-Kutub al-Ilmiah, Beirut.
- Imanuddin. (2018). *Sepintas Soal Penetapan Nasab Dalam Fikih Studi Penormaan Hukum Melalui Al-Qur'an, Al-Sunnah, Wa Ijtihad*. Jurnal: Manhaj al-'Ilm Waqfi. Vol 1 No. 1. UIN Ar-Raniry Banda Aceh.
- Khalil Ahmad, S. (2015). *Badhlu al-Majhud*. Dar al-Fikr, Beirut Lubnan.
- Krippendorff. (2004)., & White. & Marsh. (2006). *Content Analysis: a Flexible Methodology*. 1st ed. Library Trend, University of Illinois at Urbana Champaign.
- Kuwait. *Al-Mawsu‘at al-Fiqhiyat al-Kuwaytiyat*. (1983). Kementerian Waqaf Kuwait.
- Lukman, A. M. & Azhan Yahya, M. (2016). *Isu Penasaban Anak Luar Nikah Kepada Bapa Biologi Dari Sudut Pandang Siyasat Syar'iyyat di Malaysia*. Journal Muzakarah Fiqh & International Fiqh Conference, November 22&23, 2016. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).

- Lukman, A. M., Wan Ismail, W. A. F., Baharuddin, S., Hashim, H., Mamat, Z., Yusof, N. (2021). *Pengesahan Taraf Anak Mengikut Amalan Di Mahkamah Syariah Di Malaysia Dan Hubungannya Dengan Pandangan Mazhab Fikah Mu‘tabar*. Proceedings of the 7th International Conference on Quran as Foundation of Civilization (SWAT-2021) FPQS. Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).
- M. , M. R. (2024). Hifz al-Nafs dalam Maqasid Syariah: Analisis Teoritikal. *Al-Takamul Al-Ma’rifi*, 7(1), 8–19. Retrieved from: <http://jurnal.usas.edu.my/altakamul/index.php/altakmulfiles/article/view/210>
- Mohd Azhar, A. & Muhammad Lukman, I. (2014). *Kedudukan Anak Tak Sah Taraf Dalam Sejarah Awal Islam*. Jurnal KIAS. Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS).
- Mohd Mahyeddin, M. S., Nisar Mohammad, A. & Nur Mohammad Hadi, Z. (2018). *Pengurusan dan Perlindungan Anak Tak Sah Taraf melalui “Baby Hatch”*: Satu Penilaian daripada Perspektif Maqasid Syari‘at dan Undang-Undang Malaysia. Jurnal al-Majaalis. Sekolah Tinggi Dirasat Islamiyah Imam Syafi’i. Jawa Timur, Indonesia.
- Muhammad Mustafa, K. (2019). *Analisis Konflik di antara Keputusan Penghakiman Anak Tak Sah Taraf di Mahkamah Syariah Terengganu dengan Fatwa di Malaysia*. (Postgraduate Thesis). Universiti Malaya (UM).
- Muhammad Rida. (1898). *Tafsir al-Manar*. n.d. Al-Hay’at al-Misriyat al-‘Ammat, Mesir.
- Muhammad. (2020). *Telaah Kritis Terhadap Argumen Majoritas Ulama Tentang Nasab Anak Zina*. Jurnal Studi Keislaman. Vol. 14 No. 2. UIN Maulana Malik Ibrahim Malang.
- Muslim, M. S. (2016). *Varian-Varian Paradigma, Pendekatan, Metode, dan Jenis Penelitian dalam Ilmu Komunikasi*. Wahana. Vol. 1 No. 10. Universitas Pakuan, Indonesia.
- Mustaqim Roslan, M. (2023). *Hifz al-Nafs dalam Fatwa Penamaan Nasab Anak Tak Sah Taraf di Malaysia: Analisis Kesan Psikologi dan Masalah Sosial*. (Postgraduate Thesis). Universiti Sultan Azlan Shah (USAS), Kuala Kangsar – Perak Darul Ridzuan.
- Mustaqim Roslan, M. & Nur Aishah, Z. (2024). Faktor-Faktor Kegagalan Penggunaan Buku Teks Yayasan Islam Kelantan (YIK) Dalam Proses Pengajaran Dan Pembelajaran (PDP): Satu Analisis Kajian Kes. (2024). *International Journal of World Civilizations and Philosophical Studies*, 1(1), Volume 1 Sept 2024: 1-25. <https://ejournal.usm.my/ijwcpss/article/view/4794>
- Perlis. *Peruntukan Subseksyen 48 (6)*, Enakmen Pentadbiran Agama Islam. (2006). Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu (MAIPS).
- Roslan , M. M. (2024). Impak Penasaban Kepada Abdullah Terhadap Masalah Sosial Anak Tak Sah Taraf: The Impact Of Abdullah’s Lineage On Social Problems Among Illegitimate Children. *KQT EJurnal*, 4(1), 1–14. Retrieved from <http://ejurnal.kqt.edu.my/index.php/kqt-ojs/article/view/81>
- Zulkifli al-Bakri. (2003). *Kompilasi Pandangan Hukum Muzakarah Jawatan Kuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia*. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).
- Zulkifli, M., Engku Muhammad Tajuddin, E. A., Jamaluddin, H. & Asiah, B. (2018). *Hukum Anak Luar Nikah Menjadi Imam Solat*. Malaysian Journal for Islamic Studies (MJIS). Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA).